



[FOTO HIASAN]



Ramai kurang berminat untuk belajar ilmu akidah menyebabkan lahir umat Islam yang tidak memahami asas pegangan dalam agama. Akhirnya, ibadat seperti solat, berpuasa dan yang lainnya bersifat ritual sahaja”

Mohd Bahari Umar,
Timbalan Pengarah
(Operasi) JAIS

Umat Islam perlu belajar ilmu akidah untuk memahami pegangan asas dalam agama bagi mengelakkan diri terjebak ajaran sesat.

Pertahanan Ahli Sunah wal Jamaah

➊ Pengajian akidah perlu dihayati, diamalkan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Pengajian akidah dianggap berat sehingga ramai umat Islam tidak berminat untuk mempelajarinya secara lebih mendalam. Kesannya, ada dalam kalangan umat Islam yang hilang pegangan dan akhirnya memudahkan musuh menyusup masuk aliran baharu.

Maka lahirkan perbalahan berpunca daripada pihak yang mengambil kesempatan melagakan mereka yang berbeza mazhab selain lahirnya aliran pemikiran baharu.

Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd Bahari Umar berkata, tidak dinafikan pengajian akidah memerlukan kesabaran, ketekunan dan perhatian yang tinggi menyebabkan ilmu itu kurang dikuasai termasuk oleh mereka yang ahli dalam bidang agama.

Katanya, kelemahan dalam memahami, menghayati dan mengamalkan akidah yang sebenar ini mendorong kepada lahirnya pelbagai ajaran sesat yang terus berleluasa sama ada bergerak secara bersembunyi atau terang-terangan.

“Menjaja tiket mudah ke syurga tanpa perlu menunaikan ibadat wajib antara modus operandi

digunakan dan malangnya ia mudah mempengaruhi umat Islam khususnya yang jahil terhadap asas pegangan akidah.

“Ada juga ajaran baharu seperti Millah Abraham yang mengatakan tidak wajib melakukan ibadat sehingga syiar Islam benar-benar ditegakkan,” katanya ketika berucap pada Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Wal Jamaah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.

Kurang diminati

Pada seminar bertemakan ‘Menjernihkan pemikiran masyarakat ke arah pegangan majoriti umat’ itu, Mohd Bahari berkata, penghayatan

agama umat Islam hari ini sekadar memenuhi keperluan ritual perlu diubah.

Katanya, berdasarkan kajian, tidak sampai sepuluh peratus surau dan masjid yang mengajar bab akidah kerana kurang diminati, sementara pembelajaran subjek agama sehingga tingkatan lima sahaja menyebabkan mereka hanya mengetahui perkara asas mengenai ibadat.

“Ramai kurang berminat untuk belajar ilmu akidah menyebabkan lahir umat Islam yang tidak memahami asas pegangan dalam agama. Akhirnya, ibadat seperti solat, berpuasa dan yang lainnya bersifat ritual sahaja,” katanya.

Lihat Ms.54